



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



**RESEARCH, INNOVATION, COMPETITION AND EXHIBITION
(RICE) 2024: KEBERKESANAN PELAKSANAAN PAMERAN
INOVASI DAN PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN DALAM
KALANGAN PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN,
POLITEKNIK KOTA BHARU, 6 NOVEMBER 2024**

*RESEARCH, INNOVATION, COMPETITION AND EXHIBITION (RICE) 2024:
EFFECTIVENESS OF INNOVATION EXHIBITIONS AND RESEARCH
PRESENTATIONS AMONG COMMERCE DEPARTMENT STUDENTS AT
POLITEKNIK KOTA BHARU, 6 NOVEMBER 2024*

Nor Helme Padeli^{1*}, Musalifah Mustafa²

¹ Department of Mechanical Engineering, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: norhelme@pkb.edu.my

² Department of Commerce, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: musalifah@pkb.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 20.07.2025

Accepted date: 18.08.2025

Published date: 09.09.2025

To cite this document:

Padeli, N. H., & Mustafa, M. (2025). Research, Innovation, Competition and Exhibition (RiCE) 2024: Keberkesanan Pelaksanaan Pameran Inovasi Dan Pembentangan Penyelidikan Dalam Kalangan Pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Bharu, 6 November 2024. *International Journal of Modern*

Abstrak:

Program RiCE 2024 yang berlangsung pada 6 November merupakan inisiatif Jabatan Perdagangan bagi menggalakkan inovasi dan penyelidikan dalam kalangan pelajar Semester 5, bagi program Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pemasaran dan Diploma Insurans. Tujuan utamanya ialah meningkatkan kemahiran kreatif dan keupayaan analitis. Program ini memberi ruang kepada pelajar untuk menghasilkan produk inovasi serta penulisan ilmiah yang bernilai, di samping menanam budaya penyelidikan, pelaksanaan turut menilai sokongan dan keberkesanan sepanjang program. Dapatan maklumbalas melibatkan 159 pelajar/ peserta dan 52 orang staf sebagai penyelia dan penilai. Instrumen yang menggunakan skala Likert disesuaikan daripada kajian terdahulu untuk menilai aspek kreativiti, kemahiran interpersonal dan sokongan teknikal. Dapatan menunjukkan skor min bagi kebanyakan item maklumbalas berada dalam tahap tinggi (3.44 – 3.73), menandakan kepuasan terhadap elemen pelaksanaan dan keberkesanan program. Program ini mendorong peningkatan intelektual dan kreativiti pelajar. Penemuan ini mengukuhkan potensi RiCE sebagai wadah membentuk mahasiswa berdaya saing dan berwawasan tinggi.

Trends in Social Sciences, 8 (31), 64-73.

DOI: 10.35631/IJMTSS.831004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Pembentangan, Inovasi Pelajar, Penyelidikan Ilmiah

Abstract:

RiCE 2024, held on 6 November, was an initiative by the Department of Commerce to foster innovation and research among Semester 5, in the Diploma in Business Studies, Diploma in Marketing, and Diploma in Insurance programs. The primary aim was to enhance students' creative skills and analytical capabilities. The program provided a platform for students to develop innovative products and produce meaningful academic writing, while also cultivating a research culture. Implementation included the evaluation of support systems and program effectiveness throughout its execution. Feedback was gathered from 159 students and 52 staff members who served as supervisors and evaluators. The instruments used were adapted from previous research and implemented using a Likert scale to measure creativity, interpersonal skills, and technical support. The findings revealed that the mean scores for most feedback items were within the high range (3.44 – 3.73), indicating strong satisfaction with the program's delivery and effectiveness. Overall, the program encouraged intellectual growth and student creativity. The outcomes affirm the potential of RiCE as a strategic platform to cultivate competitive, visionary graduates prepared for future challenges.

Keywords:

Presentation, Student Innovation, Academic Research

Pengenalan

Pameran inovasi dan pembentangan penyelidikan merupakan acara penting yang diadakan oleh Politeknik Kota Bharu (PKB) dengan tujuan untuk mempromosikan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi yang telah dicapai oleh pelajar-pelajar. Program ini juga bertujuan untuk menyediakan platform kepada para pelajar dalam menyampaikan idea-idea kreatif dan inovatif mereka kepada masyarakat, industri dan komuniti akademik. Melalui pameran ini, keupayaan dan pencapaian PKB dalam bidang penyelidikan dan inovasi dapat ditingkatkan serta memperkukuh jaringan kolaborasi dengan pihak-pihak yang berkaitan. Pameran inovasi menampilkan berbagai produk inovatif yang dikembangkan, dan memperkenalkan berbagai produk inovasi terbaik karya para pelajar. Manakala, matlamat utama pembentangan penyelidikan adalah untuk berkongsi hasil penyelidikan. Program ini menyediakan ruang untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pembentangan dan hasil penemuan bagi menambah baik pembentangan para pelajar pada masa akan datang.

Sorotan Program

RiCE 2024 yang dilaksanakan pada 6 November 2024 adalah merupakan satu platform pertandingan mengasah bakat serta kemahiran kreatif para pelajar Semester 5 di Jabatan Perdagangan dalam penghasilan inovasi produk dan penulisan penyelidikan/ ilmiah. Tujuan utama inovasi sememangnya harus melangkaui batasan semasa untuk membantu membentuk masa depan yang cemerlang dan gemilang. Inovasi bukan sahaja memberi kesan kepada kualiti hidup hari ini, tetapi juga berpotensi untuk mencipta perubahan yang mendalam bagi generasi yang akan datang. Dalam usaha ini, adalah penting mencari penyelesaian pintar yang dapat menangani masalah yang kompleks dan memberikan manfaat yang berkekalan. Oleh itu, pendekatan inovasi mesti proaktif dalam meramalkan cabaran masa depan yang tidak menentu

dan memetakan strategi yang berkesan untuk mengatasi halangan-halangan tersebut. Dengan menerapkan pendekatan yang holistik dan berterusan, dapatlah dicipta jalan yang lebih lancar ke arah masa depan yang lebih baik, di mana masyarakat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik berbanding sebelumnya. Warga bersama-sama komited untuk meneroka dan memanfaatkan potensi inovasi demi kebaikan semua.

Demikian juga, menjurus kepada penyelidikan. Penyelidikan adalah usaha yang penting dalam memperkaya pengetahuan dengan maklumat yang berdasarkan data yang dikumpul dan dianalisis. Penyelidikan membantu memahami lebih mendalam sesuatu fenomena atau isu. Penyelidikan yang teliti dan telus bukan sahaja memberi pemahaman yang lebih baik tetapi juga menyediakan asas yang kukuh untuk membuat keputusan yang berinformasi. Penyelidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk masa depan mahasiswa dan bakal pekerja di pasaran kerja. Dengan cara ini, penyelidikan memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan masyarakat. Ia bukan sahaja membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga memberikan pelbagai manfaat yang boleh meningkatkan daya saing dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Matlamat pelaksanaan program adalah :

1. Meningkatkan motivasi kepada pelajar dalam melakukan nilai tambah dalam penghasilan produk berkaitan bidang pengajian khusus masing-masing.
2. Mewujudkan budaya penyelidikan.
3. Menyediakan peluang bagi pelajar mempraktikkan pengetahuan teori untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang.
4. Penghasilan penulisan yang mempunyai nilai.
5. Memberikan penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada pelajar dalam meningkatkan daya kreativiti dan inovasi melalui penghasilan sesuatu yang baharu.
6. Memberikan sumbangan kepada pengguna dan masyarakat setempat, menerusi cadangan penemuan yang diperolehi.
7. Merupakan platform memilih wakil Jabatan Perdagangan dalam Pameran Dan Pertandingan Inovasi Pelajar PKB (INNOTEX) peringkat Politeknik.

Objektif Pelaksanaan Program

1. Meningkatkan minat dan kecenderungan pelajar terhadap bidang penyelidikan dan inovasi.
2. Menjadi indikator penting dalam menilai serta mengasah kemahiran interpersonal pelajar.
3. Menilai keberkesanan bantuan dan sokongan daripada Urusetia, Penyelia, Juri dan AJK sepanjang program.
4. Menganalisis keberkesanan maklum balas yang diberikan dalam usaha meningkatkan mutu penyelidikan dan penyampaian pelajar.

Sorotan Utama

Kajian ini dijalankan dalam tempoh empat bulan, bermula dari November 2024 hingga Februari 2025. Tempat kajian ialah Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Bharu, melibatkan pelajar seramai 159 orang pelajar Semester 5 dari Jabatan Perdagangan serta 52 orang staf yang berperanan sebagai Urusetia/ Jawatankuasa Pelaksana, Penyelia Projek, Panel Penilai dan Juri Program RICE 2024 telah memberikan maklum balas lengkap. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan data primer dan sekunder. Soal selidik berstruktur atas talian melalui Google Form, dengan skala Likert digunakan untuk menilai elemen seperti kreativiti,

kemahiran interpersonal dan sokongan program, serta soalan terbuka juga disediakan untuk maklum balas kualitatif. Selain itu, data sekunder digunakan bagi mereka bentuk penyesuaian instrumen kajian terdahulu. Soal selidik untuk pelajar terdiri daripada 18 item, manakala staf menjawab 10 item. Semua jawapan dianalisis secara langsung melalui platform tersebut termasuk skor min.

Daripada jumlah pelajar yang memberikan maklum balas, 7.5% terdiri daripada pelajar Diploma Insurans (DIN), 40.3% Diploma Pemasaran (DPR), dan 52.2% Diploma Pengajian Perniagaan (DPM). Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan pada analisis tema daripada jawapan terbuka. Pemerhatian terhadap corak maklum balas staf dan pelajar juga dilaksanakan. Manakala, analisis skor min melalui Google Form. Tahap julat tafsiran dipilih adalah seperti:

Jadual 1: Tahap Interpretasi

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00 – 1.99	Rendah
2.00 – 2.99	Sederhana
3.00 – 4.00	Tinggi


Sumber: (Nor Hadibah et al., 2020, petikan tafsiran statistik deskriptif Nurfadzlina dan Mohammed, 2012)



Rajah 1: Carta Alir Proses


Dapatan Dan Perbincangan Maklumbalas Diterima

Dapatan menunjukkan peningkatan signifikan dalam minat pelajar terhadap penyelidikan dan inovasi selepas menyertai program:



Rajah 2: Trend Minat Pelajar Sebelum Dan Selepas Program

Rajah 2 di atas menunjukkan trend sebelum dan selepas program dilaksanakan. Sebelum program dilaksanakan, didapati 5.3% pelajar sangat setuju dan 47.2% setuju bahawa mereka berminat. Manakala, selepas menyertai program, peratusan sangat setuju meningkat kepada 65.4%, setuju 33.8% dan hanya 0.8% tidak setuju.



Rajah 3: Skor Min Tinggi Elemen Dinilai

Manakala, Rajah 3 pula menunjukkan nilai skor min diperoleh bagi elemen dinilai. Skor min meningkat kepada 3.34 (tahap tinggi), membuktikan keberkesanan program dalam merangsang minat. Ini selari dengan dapatan Sabina et al. (2024) dan Nurhazliyana et al. (2021) yang menekankan peranan inovasi sosial dan pedagogi kreatif dalam meningkatkan penglibatan pelajar. Selain itu, program ini turut memberi kesan positif terhadap kemahiran dan pengetahuan pelajar secara menyeluruh, dengan skor min 3.65. Peningkatan ketara dicatat. Pelajar diberi peluang menyampaikan hasil kerja dan menerima maklum balas membina. Ini

membuktikan pendekatan program berkesan menilai serta membina kemahiran interpersonal secara holistik meliputi pemahaman konsep, kemahiran komunikasi, keyakinan diri, kerjasama kumpulan, pemikiran kreatif serta pencapaian akademik. Dapatan ini disokong oleh kajian Liu et al. (2023), Manisah dan Mahamsiatu (2022) yang memetik Normah (2016) dalam konteks Politeknik Merlimau, serta Faridah (2022) dan Rajandiran (2020). Masing-masing menekankan bahawa penyertaan aktif dalam program berasaskan penyelidikan dan inovasi dapat memperkaya pengalaman belajar, meningkatkan motivasi dan prestasi, serta membina keyakinan pelajar secara berkesan.

Keberkesanan bantuan dan sokongan daripada Urusetia, Penyelia, Juri dan AJK sepanjang program menunjukkan tahap interpretasi skor min yang tinggi (3.67). Dapatan menunjukkan bahawa bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang program adalah memuaskan. Secara keseluruhan, program ini berjaya memberikan bantuan dan sokongan yang berkesan kepada pelajar. Dapatan ini mencerminkan keberkesanan program dalam memberikan impak positif kepada pelajar. Tindakan pihak-pihak sekeliling yang membantu memberikan maklumat yang jelas, mesra, respon dengan cepat dan memberikan panduan serta bantuan pada ketika mereka menghadapi cabaran. Penulisan ini disusun, sama menjelaskan dapatan daripada kajian oleh Warrner (2023) yang menegaskan peranan penting mentor dalam pembangunan akademik dan profesional pelajar melalui maklum balas, sokongan emosi dan jaringan profesional. Kajian lain turut menyokong bahawa bimbingan berstruktur daripada penyelia dan fasilitator memberi impak positif terhadap perkembangan pelajar. Tambahan pula, Chen et al. (2023) dan Voisin et al. (2023) menunjukkan bahawa sokongan seperti ini turut menyumbang kepada kejayaan akademik dan kesejahteraan pelajar secara keseluruhan.

Urusetia dan AJK memberikan maklumat yang jelas dan lengkap, juri dan penilai memberikan maklum balas konstruktif, hasilnya membantu pelajar meningkatkan kualiti kerja mereka, komunikasi yang jelas dan efektif, serta meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembentangan pelajar. Ini juga selaras dengan laporan dan penemuan dibuat oleh Karasova dan Kleckova (2023) serta Mandouit dan Hattie (2023). Seramai 53 orang tenaga kerja pensyarah/ kakitangan bersama-sama memastikan kejayaan pelaksanaan program RiCE 2024 ini. Dapatan bertujuan untuk mengukur sejauh mana tugas diberikan kepada tenaga kerja pensyarah/ kakitangan dalam melaksanakan pameran dan pembentangan inovasi dan penyelidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dapatan menunjukkan tahap interpretasi tinggi.

Tenaga kerja akademik menunjukkan kepuasan tinggi terhadap pelaksanaan program, dengan skor min 3.60, mencerminkan keberkesanan arahan, bimbingan dan sokongan diberikan. Arahan yang jelas dan tugas yang sistematik telah membantu kelancaran program (Sharma, 2024; Maartandan et al., 2021). Sokongan diterima juga selari dengan dapatan Pope et al. (2023) tentang keberkesanan bimbingan akademik terhadap kepuasan kakitangan dan pelajar. Selain itu, kecekapan pengurusan program turut dinilai tinggi (skor min 3.50), termasuk persediaan sumber, akses peralatan dan masa yang mencukupi, menunjukkan keberkesanan perancangan (Outhwaite & Simon, 2023; Nurhazliana et al., 2021). Tambahan lagi, sikap proaktif dan mesra juri serta panel bebas menyumbang kepada pencapaian objektif program, dengan skor min keberkesanan mereka juga tinggi. Pentingnya maklum balas profesional dalam mempertingkatkan kualiti pembentangan dan hasil program. Keseluruhannya, program ini mendapat sokongan menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat dan boleh dijadikan model rujukan untuk pelaksanaan masa depan. Kepunyaan institusi dan sokongan sosial juga menjadi pemangkin penglibatan akademik pelajar seperti dibincangkan oleh Vargas-Madriz

dan Konishi (2021). Dapatan ini turut selari dengan penekanan Sabina et al. (2024) bahawa metodologi inovatif dalam pendidikan mendorong kreativiti dan kejayaan program.

Semua skor berada pada tahap tinggi (melebihi 3.3), menunjukkan keberkesanan menyeluruh. Keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa RiCE 2024 telah berjaya sebagai platform strategik dalam memperkasa kompetensi akademik dan inovatif pelajar.

Kesimpulan

Pameran Inovasi dan pembentangan penyelidikan merupakan inisiatif penting dalam memupuk budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. Melalui pameran ini, pelajar dapat mempamerkan projek penyelidikan mereka, berinteraksi dengan sesiapa yang berminat dan mendapatkan inspirasi serta maklumat yang berguna untuk perkembangan masa depan mereka. Penemuan keberkesanan pelaksanaan pameran inovasi dan pembentangan penyelidikan menunjukkan bahawa inisiatif ini membantu meningkatkan minat dan kebolehan pelajar dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Selain itu, pameran ini juga memberikan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan, yang merupakan aset penting dalam dunia profesional (Asmahanim, 2023). Rumusan daripada dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengalaman positif dan berpuas hati dengan pelaksanaan program. Semua dapatan menunjukkan bahawa program ini telah dilaksanakan dengan baik dan berjaya memenuhi jangkaan dan keperluan pelajar. Mereka menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dalam semua aspek yang diukur, menunjukkan program ini adalah berkesan dan bermanfaat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program pameran inovasi dan pembentangan penyelidikan ini telah memberikan impak yang sangat positif terhadap pembangunan akademik dan profesional pelajar. Dapatan kajian menyokong pencapaian keempat-empat objektif program dengan keberkesanan strategi ini dalam membina budaya penyelidikan, pelajar berkembang dari segi interpersonal, peningkatan kualiti pembentangan serta pengalaman keseluruhan yang positif, serta proses ini berjaya sebagai komponen penting dalam pembangunan akademik mereka.

Kajian ini menyumbang kepada literatur akademik dengan menunjukkan bahawa pameran inovasi dan pembentangan penyelidikan berkesan dalam membina budaya penyelidikan serta kemahiran profesional pelajar. Ia mengukuhkan bukti bahawa pendekatan berasaskan pengalaman dapat meningkatkan motivasi, komunikasi dan keterlibatan pelajar. Dari sudut industri, pelajar yang terlibat dalam program ini lebih bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan dengan kemahiran teknikal dan interpersonal yang relevan, di samping membuka peluang kepada pemindahan teknologi. Akhirnya, kajian ini menyumbang kepada pembangunan negara dengan memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi dalam kalangan generasi muda. Melalui pameran dan pembentangan penyelidikan, pelajar dilatih menjadi pemikir kritis dan penyelesaian masalah yang mampu menyumbang kepada kemajuan sains, teknologi dan ekonomi negara. Program ini juga menyokong agenda nasional dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang bersedia menghadapi cabaran industri dan globalisasi.

Penghargaan

Ucapan terima kasih ditujukan kepada Politeknik Kota Bharu atas sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan program dan proses mendapatkan maklumbalas ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para pelajar yang terlibat, rakan sekerja di bawah naungan jawatankuasa yang

sama serta anak-anak yang sudi meluangkan masa membantu mencari patih perkataan yang sesuai. Ribuan terima kasih atas segala sokongan dan dorongan yang telah diberikan.

Rujukan

- Amit Sharma. (2024). *The importance of clear instructions in leadership: Empowering teams for success*. <https://www.linkedin.com/pulse/importance-clear-instructions-leadership-empowering-teams-sharma-ulwgc>
- Asmahanim Amir. (2023, Jun 7). *IREx2023 merakatkan budaya penyelidikan generasi muda*. Portal Berita UKM. <https://www.ukm.my/beritaukm/irex2023-merakatkan-budaya-penyelidikan-generasi-muda/>
- Chen, C. M., Fei, B., & Zhu, Y. J. (2023). The relationship between social support and academic engagement among university students: The chain mediating effects of life satisfaction and academic motivation. *BMC Public Health*, 23(1), 1–13.
- Durgesh Rajandiran. (2020). *Singapore's teacher education model for the 21st century (TE21)*. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-030-57039-2_3
- Faridah Mydin Kutty. (2022). Pengetahuan dan kemahiran penyelidikan dalam meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru: Perspektif guru siswazah. *Akademika*, 92(Isu Khas), 121–136.
- Karasova, J., & Kleckova, G. (2023). Supporting learners through effective communication: Student teachers' communication strategies to address learner behaviour. *Australian Journal of Teacher Education*, 48(3), 19–36.
- Liu, L. E., Lee, T. P., & Huang, Y. M. (2023). Enhancing university students' creative confidence, learning motivation, and team creative performance in design thinking using a digital visual collaborative environment. *Thinking Skills and Creativity*. <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S1871187123001566>
- Mandout, L., & Hattie, J. (2023). Revisiting the power of feedback from the perspective of the learner. *Learning and Instruction*. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2022.101718>
- Manisah Mohd Shah, & Mahamsiatu Kamaruddin. (2022). Kompetensi 6C siswa guru dalam pelaksanaan inovasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 9(2), 87–102.
- McConlogue, T. (2020). *Assessment and feedback in higher education: A guide for teachers*. London: UCL Press.
- Mohd Hazwan Mohd Puad, & Shironika Norjain. (2021). Penilaian penguasaan kemahiran pelajar dalam program latihan dan pembangunan kemahiran. *Latihan dan Pembangunan Kerjaya (Training and Career Development)*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, & Dyah Werdiningsih. (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 10(2), 1–14.
- Nurhazliana Hanafi, Mohamad Pirdaus Bin Yusoh, Jalaluddin Abdul Malek, & Jabil Mapjabil. (2021). Peranan universiti terhadap penerapan inovasi sosial dalam penyelidikan. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6(36), 72–80.
- Outhwaite, D., & Simon, C. A. (2023). *Leadership and management for education studies: Introducing key concepts of theory and practice* (1st ed.). New York: Routledge.

- Pope, A. M., Finney, S. J., & Crewe, M. (2023). Evaluating the effectiveness of an academic success program: Showcasing the importance of theory to practice. *Journal of Student Affairs Inquiry Improvement and Impact*, 6(1), 35–50.
- Sabina Khairunnisav, Fitriani Fitriani, & Safran Safran. (2024). Inovasi dalam perencanaan pembelajaran untuk mendorong keaktifan dan kreativitas siswa. *Jurnal Yudistira: Publikasi Riset Ilmu Pendidikan dan Bahasa*, 2(1), 193–197.
- S. Maartandan Suppiah, Wong, X. L., Paul Gnanaselvam Pakirathan, & Mohd Khairie Ahmad. (2021). Meneroka pengaruh komunikasi kepemimpinan terhadap kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan di institusi pengajian tinggi swasta Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(2), 130–153.
- Vargas-Madriz, L. F., & Konishi, C. (2021). The relationship between social support and student academic involvement: The mediating role of school belonging. *Canadian Journal of School Psychology*, 36(4), 290–303.
- Voisin, L. E., Phillips, C., & Afonso, V. M. (2023). Academic-support environment impacts learner affect in higher education. *Student Success Journal*, 14(1), 47–59.
- Warner, J. (2023). *Creating connections: The importance and impact of mentoring students*. US Department of Education. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED649357.pdf>
- Wisniewski, B., Zierer, K., & Hattie, J. (2020). The power of feedback revisited: A meta-analysis of educational feedback research. *Frontiers in Psychology*. <https://www.frontiersin.org/journals/psychology/articles/10.3389/fpsyg.2019.03087/>